

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 January 2016

## PM kongsi gambar kenangan di Memorial Tun Abdul Razak

Um - 14/1/2016

**KUALA LUMPUR 13 Jan.** - Perdana Menteri hari ini berkongsi gambar laman Memorial Tun Abdul Razak di akaun Facebook beliau bagi memperingati ayahnya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau dan ahli keluarganya melalui banyak kenangan bersama Allahyarham di memorial berkenaan yang sebelum ini merupakan rumah kediaman mereka sekeluarga.

Katanya, didikan yang diterima semasa zaman kanak-kanak merupakan asas kepada pembentukan peribadi seseorang.

"Didikan zaman kanak-kanak

menjadi asas pembentukan peribadi seseorang. Begitu banyak kenangan di laman ini bersama Allahyarham Tun Razak dah ahli-ahli keluarga lain," katanya.

Allahyarham Tun Abdul Razak merupakan Perdana Menteri kedua yang mentadbir Malaysia bermula tahun 1970 hingga 1976.

Esok merupakan genap 40 tahun pemergian pemimpin berkenaan yang banyak mempengaruhi asas pembangunan Malaysia melalui dasar yang dilaksanakan sepanjang pentadbirannya seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan mengasaskan penubuhan FELDA.

**NAJIB TUN RAZAK** meninjau kamar tidur yang masih dijaga rapi ketika mengunjungi Memorial Tun Abdul Razak di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - BERNAMA

